



Manual Rujukan

Modul 1

OSC Online

e-Penyerahan untuk PSP/SP

Versi 1.01

Disedia oleh :



**Kementerian Perumahan
dan
Kerajaan Tempatan**

Isi Kandungan

1.0	PENGENALAN.....	4
1.1	PLATFORM UNTUK SEMUA	4
1.2	KOMPONEN SISTEM OSC ONLINE	4
1.3	MENGENAI RUJUKAN INI DAN E RUJUKAN	5
1.4	PENGGUNAAN PANDUAN INI	6
2.0	MENGAKSES SISTEM.....	7
2.1	AKSES SISTEM	8
2.1.1	MENU UTAMA PBT.....	9
2.1.2	MENU UTAMA PERKHIDMATAN.....	10
2.1.3	LOG MASUK PSP/SP	12
2.2	PENDAFTARAN PSP/SP BARU.....	13
2.2.1	PILIH PENDAFTARAN.....	13
2.2.2	PENGISIAN MAKLUMAT PSP/SP	14
2.2.3	MUAT NAIK DOKUMEN	15
2.2.4	PENGESAHAN PENDAFTARAN PSP/SP	16
3.0	E PENYERAHAN	17
3.0.1	GAMBARAN KESELURUHAN	17
3.0.2	MENGENAI SISTEM E PENYERAHAN	17
3.1	E PERMOHONAN	17
3.1.1	DAFTAR PROJEK BARU	18
3.1.1.1	PILIH PROJEK BARU.....	19
3.1.1.2	PENDAFTARAN PROJEK BARU.....	21
3.1.1.3	SEMAK PROJEK BARU.....	24
3.1.1.4	MEMBUAT PENGISYTIHARAN.....	25
3.1.1.5	TERIMA PENGESAHAN.....	26
3.1.2	PENYERAHAN PERMOHONAN BARU	26
3.1.2.1	PENYEDIAAN PENYERAHAN	26
3.1.2.2	CARI & PILIHAN PROJEK.....	27
3.1.2.3	PERMOHONAN TAC	30
3.1.2.4	PILIH JENIS PERMOHONAN DAN ISI MAKLUMAT	31
3.1.2.5	PILIH KUMPULAN & MUAT NAIK DOKUMEN	33
3.1.2.6	PENGISYTIHARAN	38
3.1.2.7	TERIMA PENGESAHAN PENGHANTARAN.....	39
3.1.3	PROSES PENYERAHAN SEMULA PERMOHONAN.....	41
3.1.3.1	PENYERAHAN LENGKAP	42

3.1.3.2	PENYERAHAN TIDAK LENGKAP	47
3.2	E PERMINTAAN PERKHIDMATAN	51
3.2.1	CARIAN PROJEK.....	
52		
3.2.2	SAHKAN PROJEK	53
3.2.3	PILIHAN & ISI PERMINTAAN PERKHIDMATAN.....	53
3.2.4	PILIHAN & ISI PERMINTAAN PERKHIDMATAN.....	55
3.2.5	PENGISYTIHARAN	56
3.2.6	TERIMA PENGESAHAN	57
4.0	E KOMUNIKASI	58
4.1	E RUJUKAN.....	60
4.2	E PANDUAN	61
4.3	E TANYA	62
4.4	E ADUAN	64
4.5	E KAD LAPORAN.....	66
4.6	E BAYARAN	69
5.0	SISTEM PENTADBIR	71
5.1	AKAUN SAYA.....	72
5.1.1	PROFIL SAYA	72
5.1.2.	PERUBAHAN KATA LALUAN.....	74
5.2	SERVIS SAYA	75
5.2.1	E-PENYERAHAN SAYA	75
5.2.2	E- PERMINTAAN PERKHIDMATAN	75
5.2.3	E-KAD LAPORAN.....	77
5.2.4	E-ADUAN SAYA.....	79
5.2.5	E-PERTANYA SAYA	80
5.3	MENU PROFIL PROJEK.....	82
5.3.1	PEMILIK PROJEK	82
5.3.2	PROJEK.....	85

1.0 Pengenalan

1.1 Platform Untuk Semua

Selamat Datang ke Sistem OSC Online! Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk pengguna berkomunikasi, memproses serahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan (development control) secara online sepenuhnya. Dalam kata lain, ianya adalah satu platform untuk semua pengguna seperti dibawah :-

- i) Orang Awam,
- ii) Principal Submitting Person/Submitting Person (PSP/SP),
- iii) Urusetia OSC,
- iv) Agensi Teknikal Dalaman (AT Dalaman),
- v) Agensi Teknikal Luaran (AT Luaran) dan
- vi) Jawatankuasa OSC.

Ianya disediakan di dalam platform Java yang mempunyai ciri-ciri pelbagai fungsi dan berintegrasi. Panduan ini adalah salah sebuah siri-siri panduan untuk rujukan oleh Pengguna PSP/SP. Panduan-Panduan lain adalah Panduan Rujukan untuk Orang Awam, Urusetia OSC, AT Dalaman, AT Luaran, Jawatankuasa OSC dan juga Pentadbir Sistem.

1.2 Komponen Sistem OSC Online

Sistem OSC Online ini membolehkan pengguna Sistem OSC Online untuk melaksanakan tugas dalam bentuk elektronik dan dalam talian (online) seperti peringkat-peringkat yang dinyatakan dibawah :-

1. Penyerahan permohonan,
2. Memproses Permohonan,
3. Kompilasi Ulasan/Laporan,
4. Penyediaan Kertas Kerja untuk Mesyuarat OSC, dan
5. Menyelarass Mesyuarat OSC

Peringkat 1 dilaksanakan oleh PSP/SP, Peringkat 2 dan 5 akan dibincangkan di rujukan Urusetia OSC Online dan peringkat 3 dan 4 akan dibincangkan di dalam rujukan Agensi Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran.

Termasuk dalam sistem OSC Online ini adalah sistem-sistem seperti dibawah:-

A) **e Penyerahan** yang terdiri dari :-

1. **e Penyerahan.** Ini adalah sistem untuk menyerah semua jenis permohonan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk PSP/SP
2. **e Pemprosesan.** Ini adalah sistem untuk memproses semua jenis perkhidmatan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk Urusetia OSC, Jabatan Dalaman, Jabatan Luaran dan Jawatankuasa OSC.
3. seperti di dalam OSC Online. Terdapat juga **sistem sokongan e Penyerahan** sebagai suatu platform komunikasi untuk pengguna-pengguna seperti Orang Awam, PSP/SP. Antara perkhidmatan tersebut adalah e Rujukan, e Panduan, e Tanya , e Aduan, e Kad Laporan dan e Pembayaran.
4. Terdapat juga **sistem sokongan e Pemprosesan** untuk Urusetia OSC melihat dan memantau perkembangan permohonan dan pendaftaran; dan juga maklumbalas untuk pertanyaan, aduan dan pembayaran untuk Urusetia OSC.

B) Untuk menyenangkan penerangan untuk latihan dan penggunaan, sistem diatas telah diasingkan untuk kegunaan 6 kumpulan pengguna iaitu :-

1. Untuk PSP/SP, adalah **Sistem e Penyerahan** untuk mereka melakukan permohonan dan permintaan untuk **PSP/SP** dan **sistem sokongan** sebagai sistem sokongan untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, dan e aduan untuk melaksanakan tugas Peringkat 1 seperti diatas.
2. Untuk Orang Awam, adalah **Sistem Sokongan e penyerahan** untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, maklumbalas dan aduan **Orang Awam.**
3. Untuk Urusetia OSC adalah Sistem **Urusetia OSC Online** untuk melaksanakan tugas Peringkat 2 dan 6 diatas.
4. Untuk AT Dalaman adalah **e Agensi Teknikal Dalaman** untuk melaksanakan 3, 4 dan 5 diatas.
5. Untuk AT Luaran, **e Agensi Teknikal Luaran untuk** melaksanakan tugas peringkat 3 diatas.
6. Untuk ahli jawatankuasa Mesyuarat OSC, e Jawatankuasa OSC untuk melaksanakan tugas peringkat 5 diatas.

1.3 Mengenai Rujukan Ini dan e Rujukan

Rujukan Sistem OSC Online ini adalah suatu panduan yang lengkap kepada

pengguna untuk mempelajari setiap proses dalam Sistem OSC Online. Ini adalah versi ketiga setelah penambahbaikan terhadap Sistem OSC Online sendiri memerlukan penambahbaikan terhadap rujukan ini. Disamping itu terdapat ciri-ciri Langkah-Langkah tambahan Proses Online yang telah di terangkan (highlighted). Tambahan kepada Rujukan ini, Perkhidmatan e Rujukan juga akan disediakan di Portal OSC Online. Sila rujuk Perkhidmatan e Rujukan dalam manual ini.

1.4 Penggunaan Panduan Ini

Anda boleh membacanya secara menyeluruh sebagai sebuah buku untuk mengendalikan sistem ini, mungkin pada peringkat permulaan dan seterusnya sebagai rujukan dengan mencari bahan-bahan yang anda inginkan dengan membaca rujukan tajuk-tajuk yang diinginkan.

Seciranya anda melihat e Rujukan, secara online, hubungan (link) akan berada di dalam sistem untuk layaran yang cepat melalui tajuk-tajuk yang ada. Untuk mereka yang lebih gemar untuk mencetak dan membaca salinan “hardcopy”, sila rujuk kepada isi kandungan untuk mencari tajuk yang ingin anda lihat. Untuk membuat rujukan ini lebih senang difahami, terdapat simbol-simbol tertentu seperti dibawah.

Penerangan Simbol

Bold di dalam perenggan adalah **arahan, butang, ilustrasi** atau **parameter** yang perlu diisi.

Proses Online adalah untuk rujukan langkah yang perlu dibuat (contoh dibawah).

Proses Online (1.1) : Akses

- i. **Klik** ikon Internet Explorer atau Mozilla Firefox di PC
- ii. **Taipkan** <http://www.epbt.gov.my> pada ruang **alamat (address)**, tunggu untuk skrin seperti diatas, **ilustrasi 1**.
- iii. **Klik** pautan OSC Online dan Skrin **ilustrasi 2** akan dipapar.

Nota adalah panduan tambahan untuk pengguna.

Nota : Nombor dari ruangan navigasi ID Projek akan bertukar dari warna biru ke warna merah jika ID Projek tersebut pernah dilihat sebelum ini.

2.0 Mengakses Sistem

Akses **Sistem OSC Online** merupakan proses yang pertama untuk sistem ini. Untuk **PSP/SP**, akses sistem boleh dicapai dengan mengakses laman web utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia www.epbt.gov.my melalui perisian Internet Explorer atau Mozilla Firefox yang merupakan perisian layaran internet terkini.

Ilustrasi 1: Skrin Utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Proses Online (2.0) : Akses

- i) Klik ikon Internet Explorer atau Mozilla Firefox di PC
- ii) Taipkan <http://www.epbt.gov.my> pada ruang **alamat (address)**, tunggu untuk skrin seperti diatas, **ilustrasi 1**.
- iii) Klik pautan **OSC Online** dan Skrin **ilustrasi 2** akan dipapar.

2.1 Akses Sistem

Ada tiga langkah sebelum **PSP/SP** dibenarkan untuk mengakses Sistem Perkhidmatan untuk **PSP/SP**.

Sistem ini adalah sebuah sistem pusat untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh itu pilihan untuk PBT akan tertera di peringkat pertama akses untuk **PSP/SP** memilih PBT yang di kehendaki untuk membuat permohonan. Ini adalah penting kerana sekiranya tersilap memilih PBT, PBT yang menerima tidak dapat membuat pemprosesan dengan sempurna.

Seterusnya terdapat senarai perkhidmatan yang PSP/SP ingin lakukan, iaitu, kumpulan perkhidmatan dalam e Penyerahan dan e Komunikasi. Anda perlu memilih perkhidmatan tersebut untuk membuat tugas secara online.

Kemudian anda diperlukan untuk Log In kedalam sistem untuk sistem mengenal pasti PSP/SP mana yang membuat permohonan untuk keselamatan sistem dan anda.

Untuk itu terdapat tiga tugas untuk akses sebelum anda melakukan tugas anda :-

2.1.1 Menu Utama PBT

2.1.2 Menu Utama Perkhidmatan

2.1.3 Log In.

Sila ikut arahan seterusnya untuk memasuki sistem dan memilih tugas.

2.1.1 Menu Utama PBT

Akses Sistem OSC Online merupakan proses yang pertama untuk sistem ini. Untuk PSP/SP, akses sistem boleh dicapai dengan alamat yang akan diberitahu kelak, melalui perisian Internet Explorer atau Mozilla Firefox yang merupakan perisian layaran internet terkini. Setelah mencapai alamat yang betul, skrin seperti Ilustrasi 2 akan dipaparkan untuk pemilihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sila pilih daripada senarai pihak PBT yang berkenaan mengikut negeri dan daerah yang ingin anda layari.



Ilustrasi 2: Skrin Senarai Pihak Berkuasa Tempatan Setiap Negeri

Proses Online (2.1) : Pilihan PBT

- i) **Klik Ikon PBT** Berkenaan.

2.1.2 Menu Utama Perkhidmatan

Skrin seperti Ilustrasi 3, iaitu Menu Utama Perkhidmatan akan dipaparkan selepas pemilihan PBT dibuat. Terdapat 2 sistem utama dan 1 sistem pentadbir untuk kemudahan pengguna iaitu:

3.0 e-Penyerahan

- 3.1 e Permohonan dan
- 3.2 e Permintaan Perkhidmatan.

4.0 Sistem Sokongan e Penyerahan

- 4.1 e Rujukan
- 4.2 e Panduan
- 4.3 e Tanya
- 4.4 e Aduan
- 4.5 e Bayaran
- 4.6 e Kad Laporan

5.0 Sistem Pentadbiran

- 5.1 Akaun Saya
- 5.2 Servis Saya
- 5.3 Profil Projek

Terdapat 2 Perkhidmatan untuk **Sistem e Penyerahan**, terdapat 6 Perkhidmatan untuk **Sistem Sokongan e Penyerahan** dan 3 Perkhidmatan dalam **Sistem Pentadbiran**.

Kesemua Sistem dan Perkhidmatan diatas akan diterangkan penggunaannya di dalam rujukan ini.



Ilustrasi 3: Ilustrasi Menu Utama

Ilustrasi 3 : Skrin Menu Utama Perkhidmatan

Proses Online (2.1.2) : Pemilihan Perkhidmatan

- i) **Klik** pautan **Perkhidmatan** pilihan anda (pilih satu pautan dari pilihan 3.1 hingga 5.3 diatas) untuk melakukan tugas.

2.1.3 Log Masuk PSP/SP

Selepas anda Klik pada butang Perkhidmatan, sebagai langkah keselamatan dan juga untuk akses masuk ke domain (kawasan) anda, anda dikehendaki untuk Log Masuk ke Perkhidmatan. Log Masuk adalah dengan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda di Skrin Log Masuk seperti di **ilustrasi 4** . Untuk PSP/SP yang belum berdaftar, anda perlulah mendaftar untuk pertama kali memasuki OSC Online.

Bagi PSP/SP baru, dimestikan mendaftar terlebih dahulu untuk menggunakan perkhidmatan e-penyerahan. Sila klik pada navigasi '[Daftar Sini](#)' yang terdapat

Minta maaf, Cubaan untuk Log masuk tidak berjaya!
Pastikan nama pengguna dan kata laluan anda ditaip betul.
Sila Cuba Lagi.

Log Masuk

Nama Pengguna:

Kata Laluan:

Pengguna Baru? [Daftar Sini](#)

Copyright © 2003-2006 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia (KPKT)

Ilustrasi 4 : Skrin Log Masuk

pada skrin seperti Ilustrasi 4 di bawah untuk pendaftaran ejen baru.

Proses Online (2.1.3) : Pilihan

- i) Ejen Berdaftar, a) Taip pada Nama Pengguna
b) Taip pada Kata Laluan dan
c) Klik butang Log Masuk.
- ii) Ejen yang belum Berdaftar, Klik pautan “ [Daftar Sini](#) ”.

2.2 Pendaftaran PSP/SP Baru

Pendaftaran PSP/SP untuk menjadi pengguna Sistem OSC Online ini adalah kerana ini adalah permohonan elektronik sepenuhnya dan segala permohonan yang dimasuki ke dalam sistem ini dianggap konfidential dan benar. Setiap PSP/SP perlu untuk bertanggungjawab keatas permohonan atau permintaan yang diadakan di dalam sistem.

2.2.1 Pilih Pendaftaran

Skrin menu seperti Ilustrasi 4 berikut akan terpapar untuk pemilihan jenis pengguna. Sila klik pada butang 

OSC ONLINE Sistem Web Rasmi **e-Penyerahan** e-LEMBANGSUSU

Majlis Perbandaran Pulau Pinang Utama

Log Masuk

Nama Pengguna:
 Kata Laluan:

Pengguna Baru? [Daftar Sini](#)

Semakan Online

[OSC e-Pemprosesan](#)

Muat Turun

[Mozilla Firefox v.3.5](#)

A) PSP/SP Penyerahan

Principal Submitting Person/Submitting Person - PSP/SP adalah professional seperti Arkitek, Jurutera, Pelukis Pelan Bangunan atau Perancang yang akan menjadi Orang Utama yang Mengemukakan. PSP/SP akan mengemukakan permohonan seperti Perihal Tanah, Kebeharan Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Lanskap dan sebagainya kepada PBT.

Pendaftaran hanya perlu dilakukan sekali sahaja bagi PSP/SP untuk mengakses perkhidmatan dalam semua OSC Online.



B) Orang Awam

Orang awam boleh mengakses perkhidmatan e-Rujukan dan e-Panduan tanpa perlu mendaftar dengan OSC Online. Jika mereka hendak menggunakan perkhidmatan e-Tanya atau e-Aduan, mereka perlu mendaftar dengan OSC Online supaya PBT dapat menjawab pertanyaan atau aduan mereka.



C) Pemilik Projek

Pemilik Projek boleh memantau projek-projek dan penyerahan yang telah didaftarkan di bawah syarikat mereka.



Proses Online (2.2.1) : Pilihan

- i) **Daftar Ejen : Klik butang Pendaftaran PSP.**
- ii) **Daftar Orang Awam : Klik butang Pendaftaran Orang Awam. Sila Rujuk Panduan Pengguna – Untuk Orang Awam.**

2.2.2 Pengisian Maklumat PSP/SP

Seperti skrin ilustrasi 6, PSP/SP dikehendaki memasukkan maklumat yang diperlukan dan medan yang bertanda * , merupakan maklumat yang MESTI diisi.

<p>Log Masuk</p> <p>Nama Pengguna: <input type="text"/></p> <p>Kata Laluan: <input type="password"/></p> <p><input type="button" value="Semula"/> <input type="button" value="Log Masuk"/></p> <p>Pengguna Baru? Daftar Sini</p> <p>Semakan Online</p> <p>OSC e-Pemprosesan</p> <p>Muat Turun</p> <p>Mozilla Firefox v.3.5</p>	<p>Borang Pendaftaran PSP/SP</p> <p>Langkah 1 daripada 2 : Daftar Butiran Individu dan Syarikat</p> <p>Sila isi maklumat-maklumat di bawah :-</p> <p>Nama Pengguna * : <input type="text" value="Julia Ali"/></p> <p>Kata Laluan * : <input type="password" value="*****"/></p> <p>Ulangi Kata Laluan * : <input type="password" value="*****"/></p> <p>Butiran Individu</p> <p>Nama PSP/SP * : <input type="text" value="Julia Ali"/></p> <p>No. Kad Pengenalan * : <input type="text" value="671012041254"/> <small>Contoh: 701020145211</small></p> <p>Profesion * : <input type="text" value="Arkitek"/></p> <p>No. Pendaftaran Profesion * : <input type="text" value="F238771"/></p> <p>Nama Syarikat * : <input type="text" value="Meju sdn Bhd"/></p> <p>Jawatan : <input type="text" value="Arkitek"/></p>
<p>Maklumat Hubungan</p> <p>Alamat * : <input type="text" value="No. 2, Jalan PP23, Glenmarie, Shah Alam"/></p> <p>Poskod * : <input type="text" value="40110"/></p> <p>Bandar * : <input type="text" value="Shah Alam"/></p> <p>Negeri * : <input type="text" value="Selangor"/></p> <p>No. Telefon Pejabat * : <input type="text" value="03"/> - <input type="text" value="34441100"/></p> <p>No. Telefon Lain : <input type="text"/> - <input type="text"/></p> <p>No. Telefon Bimbit * : <input type="text" value="017"/> - <input type="text" value="2455410"/></p> <p>No. Faksimili : <input type="text" value="03"/> - <input type="text" value="34441104"/></p> <p>E-mel 1 * : <input type="text" value="julia@meju.com"/></p> <p>E-mel 2 : <input type="text"/></p> <p><small>*Perlu Diisi</small></p> <p><input type="button" value="Batal"/> <input type="button" value="Teruskan"/></p>	

Ilustrasi 6: Skrin langkah 1 untuk Borang Pendaftaran Ejen

Proses Online (2.2.2) : Pengisian maklumat


- i. **Klik** pada **Medan Kosong** untuk menaip maklumat PSP/SP
- ii. **Klik** butang **Teruskan** untuk menghabiskan pengisian dan untuk menghantar pendaftaran.

Nota : Medan yang bertanda * merupakan medan mandatori (MESTI diisi). Sekiranya butang terus diklik tanpa mengisi medan mandatori , paparan mesej amaran akan dipapar.

2.2.3 Muat Naik Dokumen

Ejen yang baru mendaftarkan diri dikehendaki muat naik dokumen yang dikehendaki untuk tujuan pengesahan. Semua dokumen tersebut MESTI dimuat turun. Ejen dikehendaki untuk mengimbas dokumen-dokumen yang dikehendaki dan menyimpannya di komputer atau peralatan-peralatan memori anda untuk dicapaian oleh sistem.

Ilustrasi 7: Langkah 2 untuk Pendaftaran Ejen Baru

Borang Pendaftaran PSP/SP	
Langkah 2 daripada 2 : Muat naik dokumen untuk tujuan pengesahan.	
Log Masuk	
Nama Pengguna: <input type="text"/>	
Kata Laluan: <input type="text"/>	
<input type="button" value="Semula"/> <input type="button" value="Log Masuk"/>	
Pengguna Baru? Daftar Sini	
Semakan Online	
 OSC e-Pemprosesan	
Muat Turun	

Kad Pengenalan:*	<input type="text"/>	<input type="button" value="Browse..."/>
Sijil Pendaftaran Profesional:*	<input type="text"/>	<input type="button" value="Browse..."/>
Sijil Pendaftaran Syarikat:*	<input type="text"/>	<input type="button" value="Browse..."/>
<small>*Wajib diisi(Salinan gambar discan)</small>		
<input type="button" value="Hantar"/>		

Proses Online (2.2.3) : Muat Naik


- i) **Klik** butang “**Browse**” disebelah kanan dokumen yang diperlukan. Skrin untuk “browse” fail dari pengkalan data komputer anda akan tertera untuk pemilihan
- ii) **Klik** pada **fail** berkenaan untuk di muat naik.
- iii) **Ulangi aktiviti i) dan ii)** sehingga semua fail dikehendaki telah dimuat naik.

2.2.4 Pengesahan Pendaftaran PSP/SP

Paparan pada **Ilustrasi 8** seperti dibawah akan kelihatan menunjukkan permintaan untuk pendaftaran ejen baru berjaya.

Selepas berjaya mendaftar sebagai ejen baru, pergi ke bahagian Log Masuk OSC Online yang berada di sebelah kiri, Bar Navigasi, halaman web. Isi kedua-dua ruang Nama Pengguna dan Kata Laluan seperti yang diisi semasa pendaftaran PSP/SP. Kemudian klik pada butang Log Masuk untuk mengakses masuk ke sistem e-Penyerahan.

Ilustrasi 8: Mesej permintaan untuk pendaftaran ejen baru telah berjaya



Proses Online (2.2.3) : Pengisian

- i. **Klik pada Medan Kosong** disebelah Log Masuk dan **Taip** nama ejen.
- ii. **Taip** pada **Medan Kosong** disebelah **Kata Laluan**, kata laluan anda.
- iii. **Klik** butang **Log Masuk**.

3.0 e Penyerahan

3.0.1 Gambaran Keseluruhan

Sistem ini membolehkan secara keseluruhan perkhidmatan untuk penyerahan secara online permohonan kawalan pemajuan dan permintaan perkhidmatan berkenaan kawalan pemajuan dilaksanakan,

Ianya adalah sistem berintegrasi sepenuhnya untuk perkhidmatan-perkhidmatan PBT seperti permohonan kawalan pemajuan dan perkhidmatan tambahan lain.

Sub Sistem ini merupakan “front end” untuk **Sistem OSC Online** yang dibuka untuk **PSP/SP** untuk membuat permohonan dan permintaan untuk kawalan pemajuan. Semua jenis permohonan dan permintaan dapat dilaksanakan oleh **PSP/SP**. Selepas **PSP/SP** selesai membuat penghantaran permohonan atau permintaan, **Sistem e Proses Perkhidmatan** akan mengambil alih tugas untuk melakukan **Penerimaan dan Pemprosesan** sehingga ke tahap kelulusan permohonan atau permintaan.

3.0.2 Mengenai Sistem e Penyerahan

Sistem ini adalah sistem yang direka untuk membuat penyerahan perkhidmatan, dari PSP/SP kepada Urusetia OSC untuk permohonan dan permintaan kawalan pemajuan (development control).

Terdapat beberapa dua jenis Perkhidmatan iaitu :-

3.1 Perkhidmatan e Permohonan, dan

3.2 Perkhidmatan e Permintaan Perkhidmatan

3.1 e Permohonan

a) Gambaran Keseluruhan

Perkhidmatan ini adalah elektronik sistem yang direka untuk membuat penyerahan permohonan untuk kawalan pemajuan (development control).

Terdapat beberapa peringkat untuk perkhidmatan ini, iaitu :-

3.1.1 Daftar Projek.

3.1.2 Penyerahan Permohonan,

3.2.3 Penyerahan Semula Permohonan.

Kesemua peringkat ini adalah tiga proses yang berlainan. Sebelum permohonan

boleh diserahkan, setiap permohonan mesti didaftarkan projek terlebih dahulu. Untuk itu, pendaftaran projek merupakan peringkat pertama permohonan.

Tetapi untuk projek yang telah berdaftar, untuk permohonan-permohonan terdahulu, projek tidak perlu untuk didaftar semula. Permohonan adalah lengkap dengan menggunakan projek terdahulu yang telah didaftar semasa permohonan lain.

b) Mengenai Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini membolehkan penyerahan permohonan untuk permohonan Kawalan Pemajuan (Development Control).

Ianya adalah sistem elektronik berintegritas sepenuhnya untuk permohonan kawalan pemajuan seperti permohonan-permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Kelulusan Pelan Bangunan, Kelulusan Pelan Kejuruteraan dan lain-lain.

c) Penggunaan Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini adalah untuk menerima dan memproses permohonan-permohonan untuk projek-projek baru dan tambahan untuk projek-projek sedia ada dibawah kawalan pemajuan. Kepada PSP/SP, perkhidmatan ini bertujuan untuk menyerah permohonan dan menyerah keperluan-keperluan PBT seperti dokumen-dokumen, pelan-pelan, laporan-laporan dan lain-lain untuk permohonan dan menghantar template kiraan dan maklumat teknikal untuk semakan pihak jabatan teknikal berkenaan.

d) Akses Perkhidmatan

Dari **Proses Online 2.1.2 : Pemilihan Perkhidmatan**, Sila Klik pada pautan **e Penyerahan Permohonan** untuk mendapatkan skrin dibawah.

3.1.1 Daftar Projek Baru

Pendaftaran Projek merupakan peringkat pertama untuk membuat permohonan. Sekiranya projek pernah didaftar untuk permohonan terdahulu atau pendaftaran telah dilakukan sebelum ini, sila terus ke proses 3.1.2.

3.1.1.1 Pilih Projek Baru

Skrin seperti **Ilustrasi 9** di bawah akan terpapar setelah berjaya akses ke Perkhidmatan e-Penyerahan Permohonan. Skrin ini adalah skrin utama untuk penyerahan. Anda perlu untuk melakukan 2 pilihan seperti berikut sebelum meneruskan penyerahan :-

- i) Penyerahan Permohonan untuk Projek Baru, (Sila ke Proses Seterusnya).
- ii) Pilihan Permohonan untuk Projek yang Telah di Daftar (Sila ke Proses 3.1.2)

Ilustrasi 9 : Skrin Pilihan Projek

The screenshot shows the OSC e-Persewaan web portal interface. At the top, there is a navigation bar with the OSC logo and the text 'Majlis Perbandaran Pulau Pinang [Masuk PHL Lain] e-Penyerahan >> One Stop Center (OSC) Utama'. Below the navigation bar, there is a sidebar with various service links like 'Selamat Datang', 'Profil Saya', 'Perubahan Kata Laluan', 'Servis Saya', 'e-Permohonan Saya', 'e-Perkhidmatan permintaan Saya', 'e-Aduan Saya', 'e-Tamr Saya', 'e-Cad Laporan Saya', 'Bantuan/Helpdesk', 'Profil Projek', 'Projek Pemilik Projek', and 'Muat Turun'. The main content area displays a table of projects for selection. The table has columns for ID Projek, Nama Projek, Pemilik Projek, Jenis Projek, Mukim, and Tarikh Daftar. A red box highlights the 'ID Projek' column. Below the table, there is a footer with the text '75 rekod , paparan 1 hingga 10.' and '1,2,3,4,5,6,7,8 [Seterusnya/Akhir]

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Daftar
100146	Pemasangan Paip Berkembar di kawasan perumahan Tmn A	Visentak Sdn. Bhd.	Projek Pelaburan Asing	Georgetown 4, Georgetown	24 Dec 2008
100147	Merobohkan Sebahagian Rumah Sesebuah Sediada 2 Tingkat No 269 Jalan Burma dan Mendirikan 5 unit Rumah Kedai 2 Tingkat	Sunway Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Mukim H (Sg. Burung)	26 Dec 2008
100148	Projek Pembangunan Semula Kawasan Setinggan Fasa 2	Sunway Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Mukim A (Sg. Pinang)	27 Dec 2008
100149	Pemasangan Paip Berkembar di kawasan perumahan Tmn A	YES	Projek Kerajaan	Seksyen 9E, Georgetown	27 Dec 2008
100161	Projek Awam	Sunway Berhad	Projek Pelaburan Asing	Sungai Buloh	29 Dec 2008
100152	Jual bangunan	IOB Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Mukim 13 (Pantai Jerejak)	30 Dec 2008
100153	Projek membina laluan pejalan kaki di atas lot 123A berdekatan Taman Lestari Puchong	YES	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Sungai Buloh	06 Jan 2009
100154	Projek Membina Jalan pejalan Kaki daerah Barat Daya Jalan Burma	YES	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Mukim A (Sg. Pinang)	06 Jan 2009
100145	pelaburan	YES	Projek Pelaburan Asing	Mukim 18 (Tanjung Tokong)	24 Dec 2008
100155	Projek perindustrian	Emero Sdn Bhd	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Hulu Kelang	06 Jan 2009

Proses Online (3.1.1.1) : Pilihan

- i) Klik pautan “Klik Disini” untuk permohonan yang belum berdaftar
- ii) Klik pada nombor projek di bawah barisan ID Projek untuk pilihan projek dan seterusnya pengesahan profil projek (3.1.2).

Nota : Sila klik pada nombor disenaraikan di bawah untuk mendapatkan mukasurat seterusnya semasa mencari projek yang sedia ada untuk menyenangkan pencarian anda.

Klik pada Pautan Carian Terperinci untuk membuat carian terperinci untuk maklumat dibawah :-

- i) ID Projek
- ii) Nama Projek
- iii) Pemilik Projek
- iv) Jenis Projek
- v) Mukim
- vi) Tarikh Projek (didaftar).

Ilustrasi 10 : Skrin Carian Terperinci

The screenshot shows the OSC Online search interface. At the top, there is a navigation bar with the OSC logo and the text 'Sistem Web Rasmi e-Penyerahan'. Below this, there is a sidebar with various user options like 'Selamat Datang, mazatul', 'Akaun Saya', 'Profil Saya', 'Servis Saya', 'Profil Projek', and 'Muat Turun'. The main content area is titled 'e-Penyerahan >> One Stop Center (OSC)' and contains a search form with fields for ID Projek, Nama Projek, Pemilik Projek, Jenis Projek, Mukim, and Tarikh Projek. Below the search form, there is a table of project results with columns for ID Projek, Nama Projek, Pemilik Projek, Jenis Projek, Mukim, and Tarikh Daftar.

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Daftar
100146	Pemasangan Paip Berkembar di kawasan perumahan Trm A	Visentak Sdn. Bhd.	Projek Pelaburan Asing	Georgetown 4, Georgetown	24 Dec 2008
100147	Merobohkan Sebahagian Rumah Sesebuah Sediada 2 Tingkat No 269 Jalan Burma dan Mendirikan 5 unit Rumah Kedal 2 Tingkat	Sunway Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale Burung then Build)	Mukim H (Sg. Burung)	26 Dec 2008
100148	Projek Pembangunan Semula Kawasan Setinggan Fasa 2	Sunway Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale Pinang then Build)	Mukim A (Sg. Pinang)	27 Dec 2008
100149	Pemasangan Paip Berkembar di kawasan perumahan Trm A	YES	Projek Kerajaan	Seksyen 9E, Georgetown	27 Dec 2008
100151	Projek Awam	Sunway Berhad	Projek Pelaburan Asing	Sungai Buloh	29 Dec 2008
100152	jual bangunan	IGB Berhad	Projek Jual Kemudian Bina (Sale Jerejak then Build)	Mukim 13 (Pantai Jerejak)	30 Dec 2008
100153	Projek membina laluan pejalan kaki di atas lot 123A berdekatan Taman Lestari Puchong.	YES	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Sungai Buloh	06 Jan 2009
100154	Projek Membina Jalan pejalan Kaki daerah Barat Daya Jalan Burma	YES	Projek Jual Kemudian Bina (Sale Pinang then Build)	Mukim A (Sg. Pinang)	06 Jan 2009
100145	pelaburan	YES	Projek Pelaburan Asing	Mukim 18 (Tanjung Tokong)	24 Dec 2008
100155	projek perindustrian	Emero Sdn Bhd	Projek Jual Kemudian Bina (Sale then Build)	Hulu Kelang	06 Jan 2009

Proses Online (3.1.1.1) : Pilihan

iii) Taip di ruang kosong untuk **ID Projek, Nama Projek dan Pemilik Projek**, kemudian klik pada **Carian** untuk membuat carian.

iv) Klik pada “**Dropdown**” **Jenis Projek, Mukim dan Tarikh** untuk membuat sisihan.

3.1.1.2 Pendaftaran Projek Baru

Skrin ini adalah untuk mendaftarkan projek baru. Terdapat 2 aktiviti untuk melengkapkan pendaftaran. Pertama adalah pilihan dan pengisian maklumat yang diperlukan dan kedua adalah menyimpan permohonan. Maklumat yang bertanda * perlu diisi oleh ejen. Selesai semua maklumat diisi, sila klik pada butang daftar untuk pendaftaran projek baru.

Ilustrasi 11 : Skrin Borang Pendaftaran Projek baru

The screenshot shows the 'Profil Projek' registration form. The header includes the OSC Online logo and the text 'Majlis Perbandaran Pulau Pinang'. The form is divided into several sections:

- Pihak Berkuasa Tempatan:** Includes a dropdown for 'Pihak Berkuasa Tempatan' (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) and a 'Projek' section with radio buttons for 'Projek Biasa', 'Projek Berkonseptkan Bina Kemudian Jual', 'Projek Impak Tinggi', 'Projek Pelaburan Asing', and 'Projek Korajasan'.
- Projek Dengan Rancangan Tempatan:** Includes a radio button for 'Ya' and 'Tidak', and a text field for 'Nama Projek:'.
- Pemilik Projek:** Includes a dropdown menu for 'Pilih:'.
- Kesediaan Tapak Sedia Ada:** Includes a text field.
- Melihat Setingan di Tapak:** Includes radio buttons for 'Ya' and 'Tidak'.
- Status Pemajuan:** Includes radio buttons for 'Telah Dijalankan' and 'Belum Dijalankan'.
- Status Kerja Pembiayaan Bangunan:** Includes radio buttons for 'Telah Dijalankan' and 'Belum Dijalankan'.
- Melihat Perubahan Bangunan:** Includes radio buttons for 'Ya' and 'Tidak'.
- Kelulusan Tapak Keseluruhan(ekar):** Includes a text field.
- Kelulusan Tapak Diperuntukkan(ekar):** Includes a text field.
- Taraf Milik Tanah:** Includes radio buttons for 'Bumputera' and 'Bukan Bumputera'.
- Lokasi Projek:** Includes text fields for 'Lot Tanah:', 'Lokasi(Nama Jalan):', 'Daerah:', 'Seksyen Mukim:', 'Kawasan Padlimen:', 'Kawasan DUNE:', 'Zon:', 'Perindangan Pelan Rancangan Tempatan:', 'Perindangan Pelan Rancangan Basari:', 'No. Petan Kawasan', 'Kawalan:', 'Latitud:', and 'Longitud:'. It also includes a small map icon and a 'Panduan' link.

Proses Online (3.1.1.2) : Pilihan & Pengisian Maklumat.

- i) Klik butang **Pilihan Maklumat** dan **Taip** pada **Medan Kosong** untuk menaip maklumat Projek.
- ii) Klik butang **Simpan** untuk menyimpan maklumat yang diisi.